



Pelajar SPM ketika mengikuti Program Latihan Akademik empower ECER dengan kerjasama UMP dan ECERDC.

## Empower ECER perkasa teknik jawab soalan calon SPM

**Kuantan:** Kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menerusi Program Latihan Akademik empower ECER membantu pelajar yang tidak berkemampuan menyertai program itu.

Setakat ini, 600 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari 14 sekolah menyertainya membabitkan kerjasama UMP yang bertindak sebagai Penyedia Latihan Program empower ECER bagi kawasan Kuantan, Pekan dan Bera.

Kerjasama itu dibantu Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuantan, Pekan dan Bera.

Program berkenaan adalah untuk membantu pelajar yang ku-

rang berkemampuan daripada segi kewangan, iaitu golongan B40.

Terdapat pelbagai modul yang dijalankan pada tahun ini seperti empower Tuition, empower Restu Ilmu, empower Touchdown dan program motivasi.

Setiap program yang dianjurkan untuk meningkatkan jati diri, motivasi serta membantu pelajar meningkatkan prestasi pelajaran mereka.

Pengarah Projek empower ECER, Prof Madya ChM Dr Abdul Aziz Azodein, berkata kekangan sesi pembelajaran secara bersempena akibat COVID-19 amat memberi kesan kepada calon SPM dan sekolah yang terbabit.

Katanya, inisiatif program itu untuk membantu calon SPM ber-

sedia menghadapi peperiksaan.

"Program Latihan Akademik empower ECER pada tahun ini memberi fokus kepada teknik menjawab yang betul kepada pelajar."

"Program ini juga disokong pihak sekolah dan juga PPD, UMP Advanced merancang untuk meneruskan program ini selepas tamat peperiksaan SPM."

"Program ini akan diteruskan bagi tujuan bimbingan kaunseling dan kerjasama berdasarkan keputusan SPM untuk memastikan hala tuju bersesuaian dengan keputusan diperolehi," katanya.

Berdasarkan analisis pencapaian pelajar dalam peperiksaan percubaan SPM yang mengikuti program itu, terdapat peningkatan positif bagi prestasi akademik

calon SPM.

Secara purata 85 peratus calon SPM meningkat dalam Gred Purata Murid (GPM) dan 74 peratus mencapai Layak Mendapat Sijil (LMS).

Ditunjukkan pencapaian untuk SPM akan meningkat daripada peperiksaan percubaan SPM.

Sementara itu, Timbalan PPD Bera Sektor Pembelajaran, Dasimah Yahia @ Othman, berkata pelaksanaan program itu bagus kerana dapat menyuntik semangat dan ketersediaan pelajar untuk melangkah ke peringkat seterusnya dalam norma baharu pembelajaran.

Katanya, hasrat PPD adalah untuk menyasarkan semua golongan pelajar yang kurang berkemampuan di daerah itu untuk menyer-

tai program berkenaan.

"Saya mengalu-alukan Program Latihan Akademik empower ECER untuk meneruskan bantuan sebegini kepada golongan pelajar yang tidak berkemampuan."

"Sekurang-kurangnya pelajar yang terbabit dalam program ini dapat meningkatkan prestasi akademik dan secara tidak langsung menyumbang kepada GPS (Gred Purata Sekolah) yang lebih baik," katanya.

Bagi guru penyelaras Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lepar, Pekan, Noraziah Abdul Hamid, program empower ECER memberi impak positif kepada pelajar memperoleh keputusan cemerlang pada peperiksaan percubaan SPM.